



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 7 JANUARI 2026**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	'DURIAN RUNTUH' SEKTOR PERTANIAN, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 10	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	FAMA BELI 500KG DURIAN, LANGKAH TANGANI LAMBAKAN BUAH, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 19	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
3.	TIDAK IKUT PIAWAIAN EKSPORT ANTARA PUNCA LAMBAKAN DURIAN, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 16	
4.	EMPAT DEKAD SETIA BERSAMA PASAR TANI, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 15	
5.	MAHU KEKAL MUSANG KING RM10 SEKILO, NEGARA, KOSMO, M/S – 12	LAIN – LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/1/2026	HARIAN METRO	LOKAL	10

'Durian runtuh' sektor pertanian

Putrajaya: Pengecualian cukai jualan kadar sifar terhadap input pengilang berdaftar bagi industri makanan ternakan, baja dan racun serangga disifatkan sebagai 'durian runtuh' kepada sektor pertanian.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) memaklumkan inisiatif itu amat dinantikan pemain industri kerana ia mampu mengurangkan kos pengeluaran, sekali gus memastikan harga produk pertanian kekal mampu milik bagi menyokong keselamatan makanan negara.

Menurut KPKM, Amanat Tahun Baharu 2026 yang disampaikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim disokong penuh, khususnya peneakan terhadap agenda

keterjaminan makanan yang dilihat selari dengan usaha memperkukuh tabir urus, meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan serta memelihara kesejahteraan rakyat.

KPKM turut menyambut baik komitmen Kerajaan MADANI untuk meneruskan pelaksanaan 5,000 Jualan Agro MADANI (JAM), tahun ini.

"Program ini terbukti berkesan dalam membantu meringankan kos sara hidup dengan memudahkan rakyat mendapatkan bekalan produk segar dan barangan keperluan asas pada harga lebih rendah berbanding pasaran," menurut kenyataan KPKM.

KPKM meneruskan komitmen untuk melaksanakan pelbagai inisiatif

strategik bagi memperkukuh keterjaminan makanan negara secara menyeluruh, selaras dengan dasar dan hala tuju Kementerian.

Dalam perutusan Tahun Baharu 2026 semalam, Perdana Menteri mengumumkan pengecualian cukai jualan terhadap bahan mentah atau input yang kritikal dan digunakan oleh pengilang berdaftar, khususnya untuk pengeluaran barangan berkaitan sektor penternakan dan pertanian, sebagai langkah mengawal harga barangan keperluan asas rakyat.

Pengecualian itu meliputi makanan ternakan, baja dan racun perosak, selaras dengan usaha memastikan kestabilan kos pengeluaran dan rangkaian bekalan makanan negara.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/1/2026	HARIAN METRO	LOKAL	19

Oleh Abnor Hamizam
Abd Manap
am@hmetro.com.my

LANGKAH TANGANI LAMBAKAN BUAH

FAMA beli 500kg durian

Jejebu

Susulan lebihan bekal durian yang berlaku ketika musim puncak selain mahu menstabilkan harga durian di peringkat ladang, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) turun ke dusun durian milik Qhamaruzzaman Salim di Kampung Kampai di sini, semalam.

La selepas kisah pemilik dusun seluas 1.6 hektar itu dilaporkan media selepas Qhamaruzzaman mendakwa harga durian jatuh menjunam selain tiada bantuan daripada agensi kerajaan.

Pengarah FAMA Negeri Sembilan, Siti Nurul Haida Ibrahim berkata, inisiatif diambil agensi itu bertujuan mengurangkan kesan lebihan pengeluaran terutamanya ketika pengeluaran berada pada tahap maksimum selain memperkukuh rantaian pemasaran komoditi durian melalui pembabitian pihak berkepentingan di dalam industri.

Menurutnya, FAMA melaksanakan pengaturan pasaran bagi komoditi durian di daerah itu juga sebagai langkah intervensi pemasaran berikutan isu turun naik harga yang ber-



Siti Nurul Haida melihat hasil pekebun durian, Qhamaruzzaman di dusunnya di Kampung Kampai, Jejebu. - Gambar NSTP/ABNOR HAMIZAM ABD MANAP

laku ketika ini.

"FAMA turun sendiri ke dusun durian milik Qhamaruzzaman bagi melihat sendiri isu yang didakwa dan bersetuju membeli 500 kilogram (kg) durian dari dusun miliknya.

"Pembelian akan dilakukan selagi mana ada bekalan dari dusun berkenaan dan durian berkenaan akan diedarkan kepada

pemborong dan peruncit di negeri itu, selain bagi kegunaan Pusat Operasi FAMA di Jerantut, Pahang dan Sungai Petani, Kedah yang memerlukan bekalan durian yang banyak bagi kegunaan industri makanan.

"Kita akan membeli bukan sahaja durian dari dusun ini tetapi pengusaha lain yang turut berdepan

masalah lebihan pengeluaran dengan harga yang dipersetujui iaitu durian gred A pada harga RM3 sekilogram," katanya ditemui di sini, semalam.

Hadir sama, Pengarah Bahagian Pemasaran Segar dan Intervensi FAMA, Ramli Mat Sani.

Media sebelum ini melaporkan kisah Qhamaruzzaman yang kecewa de-

ngan harga durian dibeli peraih berikutan terlalu murah selain tiada bantuan daripada agensi kerajaan.

Dalam perkembangan lain, Siti Nurul Haida berkata, FAMA bersedia menjadi pemudah cara sekiranya ada pihak yang mahu menubuhkan persatuan pekebun durian di negeri itu.

"Kita akan membeli bukan sahaja durian dari dusun ini tetapi pengusaha lain yang turut berdepan masalah lebihan pengeluaran dengan harga yang dipersetujui iaitu durian gred A pada harga RM3 sekilogram"

Siti Nurul Haida Ibrahim

Menurutnya, dengan adanya persatuan seperti itu mungkin boleh membantu menyelesaikan pelbagai masalah seperti lambakan durian.

Sementara itu, Qhamaruzzaman berkata, usaha diambil FAMA memberi kelegaan berikutan tidak akan berlaku lambakan durian.

"Bagaimanapun, saya akan berbincang semula dengan FAMA supaya dapat menawarkan harga belian pada kadar yang lebih baik," katanya.

Tidak ikut piawaiian eksport antara punca lambakan durian

FAMA rancang strategi pastikan peluang pasaran buah bermusim terjamin

Oleh Tutv Haryanti
Ahmad Rodzi
bhnews@bh.com.my

Berdasarkan data eksport durian ke China pada 2024 dan 2025, didapati tidak berlaku pengurangan.

Kuantiti eksport pada 2024 adalah 16,538 tan berbanding 22,277 tan pada 2025.

"Bagaimanapun, tinjauan lapangan mendapati durian yang tidak dapat dieksport merujuk kepada buah yang tidak mengikut standard piawaiian eksport. Oleh itu, ia terpaksa dijual pada harga rendah di pasaran tempatan," katanya.

Pemintaan masih tinggi

Kenyataan itu menyatakan walaupun China kini mengusahakan tanaman durian, permintaan durian dari Malaysia masih kekal tinggi.

Katanya, cita rasa dan kualiti durian Malaysia dianggap lebih baik dan masih menjadi pilihan rakyat China yang berjumlah kira-kira 1.42 bilion.

Justeru, FAMA berkata, antara tindakan pihaknya menghada-pi lambakan durian ialah merancang dan mengatur strategi untuk memastikan peluang pasaran bagi buah-buahan bermusim, khususnya durian, terjamin.

Usaha itu termasuk menyediakan peluang pasaran kepada petani di 285 outlet FAMA, terdiri daripada 38 Pasar Tani Kekal, 223 Pasar Tani, 23 Medan Gerai Buah-buahan Segar dan Medan Niaga Satok di seluruh negara.

"FAMA juga membabitkan petani membuat jualan langsung kepada pengguna melalui Program Jualan Agromadani (JAM) di seluruh negara. Kami turut menjalankan belian langsung untuk memproses durian, terutama varieti durian kampung, menjadi 'paste' dan 'pulp'.

"Pada masa ini, FAMA mempunyai 14 Pusat Pemrosesan Buah-buahan Segar di seluruh negara," katanya.



TARIKH

7/1/2026

MEDIA

BERITA
HARIAN

RUANGAN

NASIONAL

MUKA
SURAT

16

Empat dekad setia bersama pasar tani

Muhaddis Misman
dinobatkan sebagai Tokoh Usahawan
Pasar Tani 2025

Oleh MOHD AZLIM ZAINURY
MAT NOOR

SHAHALAM – Penglibatan hampir empat dekad dalam perniagaan pasar tani meletakkan Muhaddis Misman, 58, dinobatkan sebagai Pemenang Anugerah Tokoh Usahawan Pasar Tani 2025.

Anugerah berkenaan mengiktiraf sumbangan serta pengalaman luas beliau dalam bidang keusahawanan pasar tani, selain peranan aktifnya dalam memimpin dan memajukan komuniti peniaga.

Memulakan perniagaan pada akhir 1980-an di Pasar Tani Kampung Melayu Subang, Muhaddis berkata, ia sekali gus menjadi titik permulaan kepada perjalanan panjangnya dalam dunia perniagaan.

"Saya bermula sebagai petani tegar dan alhamdulillah, sambutan perniagaan di Pasar Tani amat menggalakkan sebelum berdepan cabaran selepas 1997.

"Kini, hampir mencecah usia 60 tahun, hasrat saya adalah untuk menyerahkan kesinambungan perniagaan ini kepada anak," ujarnya.

Muhaddis ditemui ketika Majlis Seuntai Kasih Bersama Peniaga Pasar Tani Kuala Lumpur (WPKL) dan Putrajaya di sini pada Isnin.



Abdul Rashid (tiga dari kiri) bersama penerima anugerah ketika Majlis Seuntai Kasih Bersama Peniaga Pasar Tani Selangor, WPKL dan Putrajaya.

Pengerusi Jawatankuasa Pasar Tani Kampung Melayu Subang itu turut dikenali sebagai usahawan berpengalaman, berdisiplin dan mudah bekerjasama, selain memainkan peranan penting dalam memimpin serta memajukan Pasar Tani sehingga menjadi contoh kepada peniaga lain.

Majlis perasmian dan penyampaian hadiah disempurnakan Ketua Pengarah FAMA, Abdul Rashid Bahru dan dihadiri Ahli Parlimen

nerima Anugerah Pengurusan Pasar Tani Terbaik dan merupakan kemenangan kedua selepas kejayaan di peringkat kebangsaan pada 2009.

Terdahulu, Abdul Rashid menegaskan, menjadi keperluan pihaknya mengekalkan peranan Pasar Tani dengan penambahbaikan melalui penggunaan teknologi dan pendigitalan.

Beliau berkata, kerjasama Tik Tok dan Lazada membolehkan peniaga meningkatkan jualan antara 20 hingga 30 peratus menerusi platform dalam talian, di samping meneruskan jualan secara tradisional.

"Peniaga boleh menerima tempahan secara dalam talian sehari sebelum berniaga dan menjadikan Pasar Tani sebagai titik pengambilan, sekali gus membolehkan jualan diperolehi lebih awal," ujarnya.

Menurutnya, FAMA juga akan memperluaskan program khusus keusahawanan, jualan, perkhidmatan serta pengurusan kewangan membolehkan generasi muda peniaga bagi memastikannya kelangsungan Pasar Tani.

Shah Alam, Azi Yusof. Pada majlis sama, peniaga, Muhammad Yusuf Abdul Wahid, 31, menerima Anugerah Inspirasi Muda Pasar Tani 2025 selepas meneruskan perniagaan keluarga diwarisi daripada arwah ayahnya sejak lebih 13 tahun lalu termasuk melalui pendekatan pasaran digital bagi memastikan perniagaan kekal moden dan relevan.

Sementara itu, Pasar Tani Shah Alam me-

Mahu kekal musang king RM10 sekilo

- **Black thorn pula dijual RM17 sekilo sejak tiga bulan lalu**
- **Berjaya jual lima tan durian sehari**

Oleh **ABDUL RASHID
ABDUL RAHMAN**

RAUB – Ketika ramai peniaga durian mula menaikkan harga khususnya durian musang king tetapi seorang peniaga di sini nekad mahu mengekalkan harga jualan terendah.

Pada masa ini musang king di gerai Cinta Arora, Aurora di sini dijual dengan serendah RM10 sekilogram (kg). Bagi gred A dan B pula dijual dengan harga RM20 sekilogram, manakala Black Thorn juga dijual dengan harga hanya RM17 sekilogram.

Pemilik Cinta Arora Aurora, Nor Hashimah A. Hashim, 43, berkata, walaupun peniaga tem-



PENIAGA durian di gerai Cinta Arora Aurora menyusun durian yang baru sampai dari kebun di Raub semalam.

temui di sini semalam.

Dia yang turut memiliki satu lagi gerai jualan durian di Batu Talam dekat sini berkata, pada masa ini buah memang banyak yang membolehkan harga turun.

Nor Hashimah berkata, pada masa ini sambutan amat menggalakkan daripada seluruh negara apabila dia mampu menjual lebih lima tan durian sehari.

Jelasnya, selain pelanggan yang datang ke gerainya, dia juga menghantar secara borong durian yang dipesan peniaga.

Sementara itu seorang penggemar durian Mohd Hafizo Mat Hassan, 36, berkata, dia datang semata-mata daripada Besut, Terengganu untuk menikmati keenakan durian musang king Raub.

Katanya, dia yang datang bersama isteri dan anak-anaknya teruja apabila mendapati harga yang ditawarkan adalah begitu rendah berbanding di tempat lain.

Pat lain menaikkan harga, dia akan terus bertahan dengan harga yang rendah untuk musim ini.

“Saya akan terus meletakkan

harga promosi yang telah sampai bulan ketiga dan saya boleh kekalkan harga ini.

“Memang kita jual pada harga

rahmah dan alhamdulillah saya dapat menampung permintaan kerana turut memiliki kebun du-

rian sendiri,” katanya ketika di-